

TEKS UCAPAN PERASMIAN

YB DATO' SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI KERJA RAYA

SEMPENA

PROGRAM BAMBUild '26 : THE FUTURE OF SUSTAINABLE BAMBOO CONSTRUCTION

11 NOVEMBER 2026 | RABU| 9.00 PAGI
MALAYSIA INTERNATIONAL TRADE AND EXHIBITION CENTRE (MITEC), KUALA LUMPUR

<<<Salutasi akan diberikan oleh Urus Setia pada hari berkenaan>>>

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI, Salam Segulai Sejalai.

PENDAHULUAN

1. Saya berbesar hati dapat bersama-sama menjayakan BAMBUild ’26 sempena International Construction Week (ICW) 2026**.**

2. Tahniah dan penghargaan saya rakamkan kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) atas penganjuran program ini. Usaha ini mencerminkan komitmen Kementerian Kerja Raya (KKR) untuk memajukan pembinaan lestari dan memperkukuh kedudukan Malaysia dalam bidang ini di peringkat serantau.

DASAR KERAJAAN DAN IMPAK SOSIOEKONOMI LUAR BANDAR

Hadirin yang saya hormati,

3. Usaha menangani perubahan iklim merupakan keutamaan negara yang turut menuntut sumbangan sektor pembinaan. Penggunaan bahan binaan mesra alam dapat menyokong Matlamat Pembangunan Mampan, khususnya SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan serta SDG 13: Tindakan Iklim**.**

4. Dalam konteks ini, potensi buluh perlu dilihat melangkaui penggunaannya dalam bangunan hijau. Pembangunan industri buluh juga membuka peluang untuk memperkukuh ekonomi luar bandar melalui kegiatan penanaman, pembekalan, pemprosesan dan penghasilan produk bernilai tambah.

5. Pasaran yang berkembang dengan permintaan yang konsisten dapat membuka peluang pendapatan kepada komuniti luar bandar, pekebun kecil dan masyarakat Orang Asli. Namun, peluang ini perlu disokong dengan latihan, pemindahan teknologi dan akses pasaran agar mereka dapat menyertai rantaian bekalan secara berterusan.

6. Inilah pembangunan yang kita hasratkan dalam kerangka Malaysia MADANI, iaitu kemajuan ekonomi yang turut meningkatkan taraf hidup rakyat.

7. Penggunaan bahan berasaskan sumber boleh diperbaharui seperti buluh juga berpotensi menarik pelaburan yang mengambil kira prinsip alam sekitar, sosial dan tadbir urus atau ESG**.** Bagi merealisasikan potensi ini, manfaat alam sekitar dan daya maju komersialnya perlu dibuktikan melalui penilaian yang teliti.

8. Sehubungan itu, saya mahu JKR dan CIDB, bersama agensi berkaitan serta pemain industri, memanfaatkan BAMBUild ’26 untuk memperkukuh

ekosistem pembinaan buluh negara. Tumpuan perlu diberikan kepada pembangunan kepakaran, jaminan kualiti dan pengkomersialan teknologi agar Malaysia berupaya menjadi pusat rujukan pembinaan buluh lestari di rantau ASEAN.

9. Penggunaan buluh dalam pembinaan bukan lagi sekadar gagasan di atas kertas. Aplikasinya dalam resort eko, struktur kubah dan pavilion memperlihatkan kepelbagaian reka bentuk yang boleh dihasilkan.

10. Dengan pemilihan bahan, rawatan dan reka bentuk yang sesuai, buluh berpotensi digunakan dengan lebih meluas. Kita bukan sekadar menanam sumber pendapatan, malah turut menanam bahan binaan untuk masa hadapan.

MANDAT KESELAMATAN & INTEGRITI KEMENTERIAN

Hadirin sekalian,

11. Sebentar tadi, YBhg. Dato' Ir. Ketua Pengarah Kerja Raya telah menyentuh aspek keselamatan. Pendirian saya jelas: keselamatan struktur dan nyawa pengguna mesti sentiasa menjadi keutamaan. Setiap inovasi bahan binaan perlu disokong oleh penilaian teknikal, pengujian dan pematuhan kepada keperluan yang berkaitan.

12. Bagi memastikan penggunaan buluh berkembang secara teratur dan diyakini, saya ingin menyampaikan **dua amanat utama**:

- **Pertama, perkemas panduan teknikal dan proses kelulusan pembinaan berasaskan buluh.** Saya mahu JKR dan CIDB bekerjasama dengan pihak berkuasa serta badan profesional berkaitan untuk memperjelas keperluan reka bentuk, pengujian, pembinaan dan penyelenggaraan.

- Penggunaan buluh sebagai komponen struktur hendaklah disokong oleh pengiraan dan pengesahan jurutera profesional yang berkelayakan serta memenuhi keperluan kelulusan yang berkuat kuasa.

- **Kedua, bangunkan kerangka jaminan kualiti rantaian bekalan buluh.** CIDB hendaklah bekerjasama dengan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB), SIRIM Berhad dan pihak berkaitan untuk memperincikan keperluan pemilihan, penggredan, rawatan, pengujian serta kebolehkesanan bahan.

13. Kerjasama ini juga perlu meneliti keperluan pensijilan yang sesuai supaya kualiti buluh dapat disahkan sebelum digunakan dalam pembinaan.

MEMBINA KEYAKINAN PASARAN DAN MEMENUHI PIAWAIAN ANTARABANGSA

Hadirin yang saya hormati,

14. Ketegasan dalam aspek keselamatan perlu disertai usaha membangunkan kepakaran tempatan. Jurutera, arkitek, penyelidik dan tenaga mahir kita perlu terus diperkasa untuk menghasilkan penyelesaian pembinaan buluh yang sesuai dengan keperluan negara serta memenuhi piawaian yang diiktiraf.

15. BAMBUild ’26 menyediakan ruang untuk memperkukuh kerjasama antara kerajaan, akademia dan industri, selaras dengan pendekatan *Triple Helix*. Penglibatan agensi, institusi penyelidikan, universiti serta pakar tempatan dan antarabangsa perlu dimanfaatkan untuk mempercepat pemindahan ilmu dan teknologi kepada industri.

16. Kerjasama ini hendaklah diterjemahkan kepada hasil yang nyata, termasuk panduan teknikal, latihan kemahiran dan projek demonstrasi yang prestasinya dapat dinilai. Pada masa yang sama, pembangunan standard tempatan perlu mengambil kira kesesuaian spesies buluh, keadaan iklim dan

amalan pembinaan negara, dengan merujuk piawaian antarabangsa yang berkaitan.

PENUTUP

Hadirin sekalian,

17. Saya berharap BAMBUild ’26 menghasilkan cadangan dan tindakan susulan yang jelas untuk memajukan pembinaan buluh negara. Jadikan program ini titik pertemuan antara ilmu dengan industri, penyelidikan dengan pelaksanaan, serta warisan dengan teknologi masa hadapan.

18. Persoalan kita kini ialah: bagaimanakah pembinaan berasaskan buluh dapat diperluas secara selamat, mampan dan berdaya saing untuk memberikan manfaat yang lebih besar kepada rakyat dan negara? **Jawapannya** memerlukan komitmen bersama serta tindakan yang berterusan daripada semua pihak.

19. Akhir kata, terima kasih kepada jawatankuasa penganjur, para penceramah, pempamer BAMBUild Showcase dan seluruh peserta atas sumbangan menjayakan program ini. Dengan ini, saya merasmikan BAMBUild ’26: The Future of Sustainable Bamboo Construction**.**

Sekian, terima kasih.